

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1994/95

April 1995

HGK 471 Geografi Wilayah ASEAN

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan, sekurang-kurangnya SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian.

**BAHAGIAN A**

1. Bandingkan pencapaian kerjasama ASEAN dalam bidang ekonomi dan politik sejak ianya ditubuhkan.  
[25 markah]
2. Bincangkan sejauh mana penubuhan APEC dikatakan bersaing dengan ASEAN.  
[25 markah]
3. Jelaskan bagaimana 'Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia' dan 'Declaration of ASEAN Concord' itu berperanan sebagai mekanisme kepada kerjasama serantau ASEAN.

**BAHAGIAN B**

4. Sejauh manakah pelaburan terus asing dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi secara berterusan di negara-negara ASEAN?  
[25 markah]

.../2

5. Bincangkan proses dan pengaruh anjakan global ke atas ruangan kegiatan ekonomi di negara-negara ASEAN.

[25 markah]

6. Apakah implikasi yang mungkin dihadapi oleh negara-negara ASEAN apabila kegiatan perindustrian menjadi fokus utama dalam proses pembangunan negara? Sokong hujah-hujah anda dengan contoh-contoh yang sesuai.

[25 markah]

**BAHAGIAN C**

7. [a] Huraikan faktor-faktor yang akan mempercepatkan peralihan demografi di negara-negara ASEAN.

[10 markah]

- [b] Bincangkan kesan jangka panjang peralihan demografi kepada ciri-ciri demografi di negara-negara ASEAN.

[15 markah]

8. [a] Bincangkan indeks-indeks pembangunan yang digunakan bagi mengukur taraf hidup penduduk di negara-negara ASEAN.

[10 markah]

- [b] Jelaskan sebab-sebab terdapatnya perbezaan taraf hidup penduduk di negara-negara ASEAN.

[15 markah]

-ooo000ooo-